

PERSEPSI PENSYARAH TENTANG PENGINTEGRASIAN APLIKASI ICT DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KURSUS BERKAITAN HADIS DI UA MALAYSIA

Malaysian Public Universities Lecturer's Perception on Integration of ICT in the study of hadith

Mohd Kahirul Niamat Doll Kawaid, A. Irwan Santeri bin Doll Kawaid, Shumsudin Yabi,
Mohd Zohdi bin Mohd Amin, Syed Najihuddin bin Syed Hassan, Mohd Yusuf bin Ismail

Abstrak

Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah menjadi suatu yang alat penting dalam dunia pendidikan hari ini. Selain bagi tujuan interaktif dan perhubungan, banyak lagi aplikasi berkaitan ICT boleh digunakan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Dalam bidang hadis, telah terdapat banyak aplikasi ICT berkaitan dengan hadis yang dibangunkan. Ia bertujuan memudahkan umat Islam mendekati diri dengan sumber kedua terpenting itu serta bagi membolehkan mereka menambahkan ilmu pengetahuan berkaitan dengannya. Aplikasi-aplikasi tersebut sentiasa maju seiring dengan kemajuan baru yang terdapat dunia ICT yang bukan sahaja dalam pendigitalan kitab-kitab hadis sahaja malah dengan pelbagai fungsi yang maju yang lain. Lantaran kemajuan itu, kajian ini ingin meninjau apakah persepsi, kebolehpercayaan, tahap kemahiran, pengetahuan dan kekerapan penggunaan pensyarah bidang hadis di UA Malaysia terhadap pengintegrasian ICT dalam kursus berkaitan hadis? Adakah ia diterima untuk digunakan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran kursus-kursus berkaitan hadis? Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan ke atas para pensyarah bidang hadis di beberapa UA Malaysia bagi mengenalpasti pengintegrasian tersebut. Kajian ini mendapati bahawa, dari sudut persepsi dan pengintegrasian dalam kursus berkaitan hadis pula, rata-rata mereka menerima baik dan mengaplikasikannya dalam pengajaran dan pembelajaran kursus berkaitan hadis. Dari sudut pengetahuan pula, kebanyakan pensyarah UA Malaysia tahu dan mahir menggunakan aplikasi ICT berkaitan hadis. Namun masih terdapat beberapa pandangan yang kurang bersetuju dengan pengintegrasian sepenuhnya ICT kerana bagi pandangan mereka, unsur-unsur keaslian ilmu hadis perlu dikekalkan.

Kata kunci: integrasi, ICT, kursus berkaitan hadis, universiti awam, pensyarah, Malaysia.

Pengenalan

Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah menjadi wadah baru yang sangat penting dalam kehidupan manusia hari ini.¹ Hampir dalam setiap aspek kehidupan, ICT telah menjadi pembantu yang banyak melancarkan perjalanan atau pelaksanaan urusan kehidupan manusia. Bidang pendidikan adalah antara bidang yang sangat berkait dengan

¹ Punie, Yves. "Learning Spaces: an ICT-enabled model of future learning in the Knowledge-based Society." *European Journal of Education* 42, no. 2 (2007): 185-199.

penggunaan teknologi ini.² Ini kerana teknologi ini telah menjadi medium pendidikan yang dapat merealisasikan matlamat pendidikan masa kini, iaitu melahirkan generasi yang berpengetahuan tinggi serta mempunyai pendedahan yang luas. Justeru, penggunaan aplikasi ICT dalam pembelajaran daripada pendidikan peringkat rendah sehinggalah ke pendidikan peringkat tertinggi sangatlah ditekankan demi kelangsungan pendidikan berkualiti di negara ini.

Pengajian hadis adalah antara bidang pengajian yang terawal dalam Islam.³ Ini lantaran perkaitannya dengan Baginda Rasulullah SAW yang menjadi utusan Allah SWT itu sendiri yang telah diutuskan untuk mengajarkan ajaran Islam kepada umat manusia. Justeru, ilmu ini mempunyai keistimewaan tersendiri kerana mempunyai hubungan erat dengan peribadi diri Rasulullah SAW sendiri.⁴ Oleh yang demikian, ilmu ini dianggap mempunyai ciri-ciri klasikal kerana sejarahnya yang panjang.

Ilmu ini telah mengalami pelbagai perubahan semenjak terbit daripada Nabi SAW. Perubahan-perubahan tersebut merupakan perubahan yang positif. Iaitu penambahbaikan dan tidak menyangkut perubahan pada asas agama. Antara contoh perubahan tersebut adalah daripada ilmu ini diajarkan tanpa menggunakan kitab kepada diajarkan menggunakan kitab, daripada diajarkan dengan menggunakan kulit binatang atau pelepah tamar kepada diajarkan menggunakan kertas, daripada diajarkan dengan menggunakan kitab yang bertulis tangan kepada diajarkan menggunakan kitab yang bercetak.

Begitu juga perubahan dari sudut kemunculan cabang-cabang ilmu baru dalam ilmu tersebut, seperti kemunculan ilmu usul hadis/kaedah hadis, ilmu al-Jarh wa al-Ta'dil, ilmu rijal, ilmu al-Asma wa al-Kuna, ilmu hadis palsu dan sebagainya. Perubahan-perubahan ini menunjukkan bahawa ilmu ini adalah bersifat dinamik dan dapat menerima perubahan mengikut kesesuaian zaman dan keadaan.

Bidang ilmu hadis dahulu adalah bidang pengajian Islam yang agak mencabar. Ini kerana keluasan perbahasannya dan faktor latar belakangnya sangat rumit dan berliku yang memerlukan kepada penelitian dan ketekunan kepada banyak maklumat serta penggunaan banyak bahan rujukan Islam. Setelah berlaku ledakan era ICT, bidang ini telah dapat dipermudahkan dengan terbangunnya banyak aplikasi yang berkaitan dengannya; sama ada berbentuk perisian mahupun dalam talian. Tujuan aplikasi-aplikasi tersebut dibangunkan ialah untuk memudahkan umat Islam mendekati diri mereka kepada sumber kedua terpenting mereka itu.

Aplikasi-aplikasi tersebut sentiasa maju seiring dengan kemajuan dunia ICT. Iaitu bukan sahaja dengan pendigitalan kitab-kitab, malah dengan inovasi produk-produk baru lain. Bidang pengajian hadis ini telah mendapat manfaat daripada teknologi ini, terutamanya

² Kyalo, K. J., and D. M. Nzuki. "Determinants of information and communication technology (ICT) integration in tertiary institutions." *International Journal of Education and Research* 2, no. 3 (2014): 1-10.

³ Awliya'i, Mustafa. "Outlines of the Development of the Science of Hadith." *Trans. "Alī Qulī Qarā'ī. al-Tawhīd* (1984): 1-1.

⁴ Abu Shahbah, Muhammad bin Muhammad (t.t), *al-Wasit fi 'Ulum wa Mustalah al-Hadith*, Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabiyy.

dalam proses carian teks, mendapatkan sumber rujukan berkaitan, mengetahui maklumat perawi dengan pantas serta mendapatkan gambaran raitaian sanad.

Kemajuan seperti ini boleh menjadikan pengajian hadis, terutamanya kajian sanad dan takhrij hadis akan menjadi lebih menarik dalam kalangan generasi muda. Ini kerana generasi muda kini rata-ratanya telah terbiasa dengan penggunaan ICT dalam urusan seharian mereka. Hal sedemikian akan membuatkan mereka lebih bersemangat meneroka kajian hadis dalam pengajian mereka. Selain itu, pengaplikasian penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran bukan sahaja dapat memenuhi kecenderungan dan menarik minat mereka malah dapat memberikan pengalaman menyelesaikan masalah sebenar kepada mereka.⁵

Penyataan masalah

Meskipun kemunculan aplikasi ICT berkaitan hadis boleh dikatakan agak lama dan penggunaannya oleh ahli akademik juga tidak asing lagi, akan tetapi kajian berkaitan pengintegrasian dalam bidang pengajaran hadis belum ditemukan. Meskipun begitu banyak kajian yang telah dilakukan dalam isu pengintegrasian ICT secara umum atau dalam bidang ilmu lain. Banyak kajian tersebut menunjukkan bahawa para guru tidak bersedia untuk mengintegrasikan ICT dalam pembelajaran dan pengajaran.⁶

Objektif kajian

- Mengenalpasti tahap pengintegrasian aplikasi ICT dalam pengajaran dan pembelajaran kursus berkaitan hadis di UA.
- Meninjau kaedah pengintegrasian aplikasi ICT dalam pengajaran dan pembelajaran kursus berkaitan hadis.
- Mengenalpasti masalah isu dan masalah yang berbangkit dalam pengintegrasian aplikasi ICT dalam pengajaran dan pembelajaran kursus berkaitan hadis.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah lapangan yang menggabungkan kaedah analisa kualitatif dan kuantitatif. Bagi mengumpul data, kajian ini menggunakan kaedah lapangan yang menggabungkan analisa kualitatif dan kuantitatif. Ia menggunakan analisis dokumen dan kajian tinjauan yang menggunakan instrumen borang soal selidik serta temu bual. Langkah-langkah yang akan dilaksanakan adalah seperti di bawah:

4.1.1 Analisis Dokumentasi

Kajian analisis dokumentasi digunakan bagi mengumpul data yang terdapat dalam bentuk bahan cetak dan bahan elektronik. Ini bagi membolehkan penyelidik merujuk dengan lebih mendalam berhubung dengan strategi terjemahan melalui bahan-bahan ilmiah bercetak

⁵ Suryadi, Ace. "Pemanfaatan ICT dalam Pembelajaran." *Jurnal Pendidikan Terbuka dan Jarak Jauh* 8, no. 3 (2007): 83-96.

⁶ Luaran, J. E. (1998). Perkembangan, Cabaran dan Aplikasi Teknologi Maklumat dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Malaysia, Mukti, Norhayati Abd. "Computer technology in Malaysia: Teachers' background characteristics, attitudes and concerns." *The Electronic Journal of Information Systems in Developing Countries* 3, no. 1 (2000): 1-13.

seperti buku, jurnal bahasa, jurnal bahasa, jurnal pendidikan, tesis, majalah, kertas kerja dan konvensyen yang berhubung secara langsung dan tidak langsung dengan bidang ini bagi membolehkan penyelidik menghuraikan cara pengintegrasian secara terperinci dan jelas. Analisis dokumen ini, membantu dalam membina kaedah tersebut.

4.1.2 Populasi dan Sampel

Daripada 20 universiti awam Malaysia, hanya 5 universiti mempunyai bidang pengajian hadis. Iaitu UKM, USIM, UM, UIAM dan UNISZA. Sehingga 2018, jumlah pensyarah di bidang hadis di universiti-universiti tersebut adalah seramai 46 orang. Terdapat di kalangan mereka yang tidak aktif iaitu sama ada sedang menyambung pengajian atau sebab-sebab lain. Rasional pemilihan kumpulan pensyarah ini adalah kerana mereka merupakan orang yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman di dalam pengajaran ilmu hadis secara khusus di peringkat universiti. Oleh itu mereka merupakan sumber utama yang dapat membantu dalam pengumpulan data.

Pemilihan kumpulan tersebut sebagai sampel berkait rapat dengan bentuk instrumen yang digunakan dalam mengumpul dan mendapatkan data. Terdapat dua instrumen yang digunakan bagi proses pengumpulan data bagi kajian ini, iaitu:

- 1) Tahap pengetahuan mereka dalam ilmu hadis.
- 2) Persepsi penginterasian mereka.

Bagi mendapatkan data kajian, mereka diedarkan dengan borang soal selidik yang dibina bagi mengukur tahap pengintegrasian ICT dalam pengajaran dan pembelajaran ilmu hadis.

HASIL KAJIAN

Berdasarkan kajian yang dijalankan bagi kebanyakan pensyarah dalam bidang hadis di UA Malaysia adalah terdiri daripada warganegara Malaysia, iaitu 71.4% (20 orang), manakala 28.6% responden (8 orang) adalah terdiri daripada warganegara asing.

Bagi mengukur tahap pengetahuan serta penggunaan mereka, kajian mendapati bahawa 57.1% (16 orang) responden sangat kerap menggunakan aplikasi ICT berkaitan hadis, 39.3% (11 orang) responden kerap menggunakannya dan hanya 3.6% (1 orang) responden tidak pasti.

Adapun dari sudut kemahiran menggunakannya, 63% (17 orang) responden didapati mahir menggunakan aplikasi ICT berkaitan hadis. Manakala 25% (7 orang) responden sangat mahir, 10.7% (3 orang) tidak pasti dan hanya 3.6% (1 orang) sahaja kurang mahir.

42.9% (12 orang) responden didapati kerap menggunakan aplikasi ICT berkaitan hadis bagi tujuan rujukan, 32.1% (9 orang) sangat kerap menggunakannya, 17.9% (5 orang) tidak pasti manakala 7.1% (2 orang) sahaja kurang kerap menggunakannya.

Bagi mengukur tahap keyakinan pensyarah terhadap kandungan aplikasi ICT berkaitan hadis 60.7% (17 orang) responden bersetuju mereka yakin dengan kandungan aplikasi ICT berkaitan hadis, 17.9% (5 orang) hanya yakin, 14.3% (4 orang) tidak pasti, 3.6% (1 orang) tidak yakin manakala 3.6% (1 orang) sangat tidak yakin.

Kajian ini mengkaji tahap kemahiran pensyarah dalam menggunakan aplikasi al-Maktabah al-Syamilah yang merupakan salah satu aplikasi pengkalan data percuma paling popular tentang buku-buku utama Islam. Kajian mendapati bahawa 53.6% (15 orang) responden mahir menggunakan aplikasi al-Maktabah al-Syamilah. Manakala 32.1% (9 orang) responden sangat mahir menggunakannya, 10.7% (3 orang) tidak pasti dan hanya 3.6% (1 orang) sahaja kurang mahir.

Kajian turut bertanya tentang pengetahuan mereka tentang kewujudan kemudahan takhrij yang terdapat dalam aplikasi al-Maktabah al-Syamilah. Maklum balas yang didapati ialah 46.4% (13 orang) responden mengetahui tentang kewujudan kemudahan tersebut, 46.4% (13 orang) responden sangat mengetahuinya dan hanya 7.1% (2 orang) sahaja yang tidak pasti. Data ini menunjukkan bahawa kebanyakan pensyarah hadis di UA Malaysia mengetahui bahawa aplikasi al-Maktabah al-Syamilah menyediakan kemudahan takhrij.

Selain soalan berkaitan kemudahan tersebut, kajian ini turut bertanya tentang pengetahuan pensyarah bahawa aplikasi al-Maktabah al-Syamilah menyediakan kemudahan memaparkan maklumat perawi. Maklum balas yang didapati ialah 57.1% (16 orang) responden sangat mengetahui bahawa aplikasi al-Maktabah al-Syamilah memaparkan maklumat perawi. Manakala 25% (7 orang) responden mengetahuinya dan hanya 17.9% (5 orang) sahaja yang tidak pasti. Data ini menunjukkan bahawa kebanyakan pensyarah hadis di universiti awam Malaysia mengetahui aplikasi al-Maktabah al-Syamilah memaparkan maklumat perawi.

Sebuah al-Maktabah al-Syamilah, aplikasi percuma lain yang penting berkaitan hadis ialah aplikasi Jawami' al-Kalim. Kajian mendapati bahawa 39.3% (11 orang) responden tidak pasti mahir menggunakan aplikasi Jawami' al-Kalim. Manakala 32.1% (9 orang) responden mahir menggunakannya, 14.3% (4 orang) responden sangat mahir dan hanya 14.3% (4 orang) sahaja tidak mahir menggunakannya.

Adapun berkenaan pengetahuan mereka bahawa aplikasi Jawami' al-Kalim menyediakan gambaran rajah sanad menunjukkan bahawa 35.7% (10 orang) responden tidak pasti bahawa aplikasi Jawami' al-Kalim memaparkan gambaran sanad. Manakala 32.1% (9 orang) responden mengetahuinya, 21.4% (6 orang) responden sangat mengetahuinya dan hanya 10.7% (3 orang) responden sahaja tidak mengetahui bahawa Jawami' al-Kalim memaparkan gambaran sanad. Data ini menunjukkan bahawa kebanyakan pensyarah hadis di UA Malaysia mengetahui bahawa Jawami' al-Kalim memaparkan gambaran sanad.

Bagi soalan berkaitan pengetahuan pensyarah terhadap kemudahan memaparkan maklumat perawi yang terdapat pada Jawami' al-Kalim, kajian mendapati bahawa 42.9% (12 orang) responden tidak pasti bahawa Jawami' al-Kalim memaparkan maklumat perawi. Manakala 32.1% (9 orang) responden sangat mengetahuinya, 17.9% (5 orang) responden

mengetahuinya, dan hanya 7.1% (2 orang) sahaja yang tidak mengetahuinya. Data ini menunjukkan bahawa bilangan pensyarah hadis di universiti awam Malaysia yang mengetahui bahawa Jawami' al-Kalim memaparkan maklumat perawi dan yang tidak mengetahuinya sama banyak.

Terdapat sebuah laman web yang menyediakan kemudahan pengkalan data serta pelbagai kemudahan berkaitan hadis sama seperti aplikasi Jawami' al-Kalim. Laman web tersebut ialah islamweb.net. Laman web ini merupakan aplikasi Jawami' al-Kalim versi atas talian. Para pensyarah juga ditanya tentang pengetahuan mereka tentang kemudahan memaparkan gambaran rajah sanad yang terdapat pada laman web tersebut. Kajian mendapati bahawa 53.6% (15 orang) responden tidak pasti bahawa Mawsu'ah al-Hadith Laman Web islamweb memaparkan gambaran rajah sanad. Manakala 17.9% (5 orang) responden sangat mengetahuinya, 14.3% (4 orang) responden mengetahuinya, 10.7% (3 orang) responden tidak mengetahuinya dan hanya 3.6% (1 orang) sahaja yang sangat tidak mengetahuinya. Data ini menunjukkan bahawa kebanyakan pensyarah hadis di UA Malaysia tidak mengetahui bahawa islamweb.net memaparkan gambaran rajah sanad.

Bagi pengetahuan mereka tentang kemudahan memaparkan maklumat perawi yang terdapat pada Mawsu'ah al-Hadith Laman Web islamweb menunjukkan bahawa 46.4% (13 orang) responden tidak pasti bahawa Mawsu'ah al-Hadith Laman Web islamweb memaparkan maklumat perawi. Manakala 21.4% (6 orang) responden mengetahuinya, 17.9% (5 orang) responden sangat mengetahuinya, 10.7% (3 orang) tidak mengetahuinya dan hanya 3.6% (1 orang) sahaja yang sangat tidak mengetahuinya. Data ini menunjukkan bahawa kebanyakan pensyarah hadis di UA Malaysia tidak mengetahui bahawa Mawsu'ah al-Hadith Laman Web islamweb memaparkan maklumat perawi.

Selain soalah berkaitan pengetahuan, para pensyarah juga ditanya tentang keperluan mereka kepada latihan menggunakan aplikasi berkaitan hadis. Hasil kajian mendapati bahawa 39.3% (11 orang) responden menyatakan bahawa mereka memerlukan kepada latihan penggunaan aplikasi ICT berkaitan hadis, 39.3% (11 orang) menyatakan bahawa mereka sangat memerlukannya, 21.4% (6 orang) responden tidak pasti dan hanya 3.6% (1 orang) sahaja yang sangat tidak memerlukannya. Data ini menunjukkan bahawa kebanyakan pensyarah hadis di UA Malaysia memerlukan latihan penggunaan aplikasi ICT berkaitan hadis.

Begitu juga bagi keperluan terhadap latihan penggunaan aplikasi ICT berkaitan hadis dalam pengajaran. 50% (14 orang) responden menyatakan bahawa mereka memerlukan kursus latihan penggunaan aplikasi ICT berkaitan hadis dalam pengajaran. Manakala 39.3% (11 orang) responden sangat memerlukannya, 7.1% (2 orang) responden tidak pasti dan hanya 3.6% (1 orang) sahaja yang tidak memerlukannya. Data ini menunjukkan bahawa kebanyakan pensyarah hadis di universiti awam Malaysia memerlukan kursus latihan penggunaan aplikasi ICT berkaitan hadis dalam pengajaran.

Penggunaan Aplikasi ICT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Berkaitan Hadis

Bagi mengenal pasti tahap pengintegrasian ICT dalam kursus-kursus berkaitan hadis, beberapa soalan tentang amalan dan sikap terhadap pengintegrasian tersebut ditanyakan.

Bagi menilai tahap galakkan pensyarah para pelajar menggunakan aplikasi ICT bagi tujuan rujukan menunjukkan bahawa 50% (14 orang) responden sangat menggalakkan pelajar menggunakannya. Manakala 42.9% (12 orang) responden menggalakkannya dan hanya 7.1% (2 orang) sahaja yang tidak menggalakkannya. Data ini menunjukkan bahawa kebanyakan pensyarah hadis di universiti awam Malaysia menggalakkan pelajar menggunakan aplikasi ICT berkaitan hadis bagi tujuan rujukan.

Berkaitan adakah ICT dapat membantu dalam pemahaman pelajar terhadap kursus berkaitan hadis, 57.1% (16 orang) responden menyatakan bahawa mereka sangat yakin bahawa aplikasi ICT dapat membantu dalam pemahaman pelajar terhadap kursus berkaitan hadis. Manakala 39.3% (11 orang) responden yakin dan hanya 3.6% (1 orang) responden sahaja yang sangat tidak yakin. Data ini menunjukkan bahawa kebanyakan pensyarah hadis di universiti awam Malaysia yakin bahawa aplikasi ICT dapat membantu dalam pemahaman pelajar terhadap kursus berkaitan hadis.

Tentang keyakinan pensyarah bahawa aplikasi ICT dapat membantu dalam pemahaman pelajar terhadap kursus berkaitan hadis, kajian mendapati bahawa 39.3% (11 orang) responden yakin bahawa aplikasi ICT dapat membantu dalam pemahaman pelajar terhadap kursus berkaitan hadis. Manakala 39.3% (11 orang) responden sangat yakin, 10.7% (3 orang) responden tidak pasti, 7.1% (2 orang) responden tidak yakin dan hanya 3.6% (1 orang) sahaja yang sangat tidak yakin. Data ini menunjukkan bahawa kebanyakan pensyarah hadis di universiti awam Malaysia yakin bahawa aplikasi ICT dapat membantu dalam pemahaman pelajar terhadap kursus berkaitan hadis.

Berkaitan pengaplikasian pensyarah pengajaran hadis menggunakan aplikasi ICT dalam kursus berkaitan hadis, data menunjukkan bahawa 39.3% (11 orang) responden mengaplikasikan pengajaran hadis menggunakan aplikasi ICT dalam kursus berkaitan hadis. Manakala 25% (7 orang) tidak pasti, 25% (7 orang) responden sangat mengaplikasikannya dan hanya 10.7% (3 orang) sahaja yang tidak mengaplikasikannya.

Adapun tentang adakah institusi pensyarah menggalakkan pengajaran hadis menggunakan aplikasi ICT? menunjukkan bahawa 50% (14 orang) responden menyatakan bahawa institusi mereka menggalakkan pengajaran hadis menggunakan aplikasi ICT. Manakala 39.3% (11 orang) menyatakan bahawa institusi mereka sangat menggalakkan pengajaran hadis menggunakan aplikasi ICT, dan hanya 10.7% (3 orang) responden menyatakan tidak pasti. Data ini menunjukkan bahawa kebanyakan universiti awam Malaysia menggalakkan pengajaran hadis menggunakan aplikasi ICT. ICT

Begitu juga adakah institusi pensyarah menyediakan prasarana pengajaran hadis menggunakan aplikasi ICT? menunjukkan bahawa 53.6% (15 orang) responden sangat

bersetuju bahawa institusi mereka menyediakan prasarana pengajaran hadis menggunakan aplikasi ICT. Manakala 28.6% (8 orang) responden bersetuju bahawa institusi mereka menyediakan prasarana pengajaran hadis menggunakan aplikasi ICT, 10.7% (3 orang) responden tidak pasti, dan hanya 7.1% (3 orang) responden yang tidak bersetuju. Data ini menunjukkan bahawa kebanyakan universiti awam Malaysia menyediakan prasarana pengajaran hadis menggunakan aplikasi ICT.

Kebanyakan pensyarah hadis di UA Malaysia yakin bahawa aplikasi ICT dapat membantu dalam pemahaman pelajar terhadap kursus berkaitan hadis kerana 57.1% (16 orang) daripada mereka sangat yakin bahawa pengajaran hadis menggunakan aplikasi ICT dapat membangkitkan minat pelajar. Manakala 32.1% (9 orang) responden yakin, 3.6% (1 orang) responden tidak pasti, 3.6% (1 orang) responden tidak yakin dan 3.6% (1 orang) lagi sangat tidak yakin.

Dari sudut sokongan pula, 46.4% (13 orang) pensyarah menyokong pengajaran hadis berbantuan aplikasi ICT dalam semua kursus berkaitan hadis; 39.3% (11 orang) responden sangat menyokong, 7.1% (1 orang) responden tidak pasti, dan 7.1% (1 orang) lagi tidak menyokong. Manakala bagi kursus Ilmu Rijal, 39.3% (11 orang) menyokong agar kursus tersebut diajar sepenuhnya menggunakan aplikasi ICT, 28.6% (8 orang) responden sangat menyokong, 15.9% (5 orang) responden tidak pasti dan 14.3% (4 orang) responden tidak menyokong. Bagi kursus takhrij hadis pula 42.9% (12 orang) responden menyokong agar kursus takhrij hadis diajar sepenuhnya menggunakan aplikasi ICT. Manakala 35.7% (10 orang) responden sangat menyokong, 10.7% (3 orang) responden tidak pasti dan 10.7% (3 orang) responden tidak menyokong. Bagi kursus Fiqh Hadis pula 35.7% (10 orang) responden menyokong agar kursus Fiqh Hadis diajar sepenuhnya menggunakan aplikasi ICT. Manakala 28.6% (8 orang) responden sangat menyokong, 25% (7 orang) responden tidak pasti dan 10.7% (3 orang) responden tidak menyokong.

Kesimpulan

Berdasarkan kajian tinjauan ini yang dijalankan, didapati bahawa dari sudut pengetahuan, kebanyakan pensyarah universiti awam Malaysia tahu dan mahir menggunakan aplikasi ICT berkaitan hadis dan dari sudut persepsi mereka, kebanyakan mereka bukan sahaja menggalakkan serta berkeyakinan bahawa ICT dapat meningkatkan penguasaan pelajar terhadap ilmu hadis malah didapati mereka mengaplikasikannya dalam pengajaran serta pembelajaran.

Rujukan

Abu Shahbah, Muhammad bin Muhammad (t.t), *al-Wasit fi 'Ulum wa Mustalah al-Hadith*, Kaerah: Dar al-Fikr al-Arabiyy.

Ahmad, N. A. M. A. (n.d.). *Muawwiqat Istikhdam al-Wasait al-Ta'limiyyah fi al-Madaris al-Hukumiyyah min Wijhah Nazar al-Mudirin wa al-Muallimin*.

Alwani, A. E. S., & Soomro, S. (2010). *Barriers to Effective use of Information Technology*

in Science Education at Yanbu Kingdom of Saudi Arabia. In *E-learning, experiences and future* (pp. 35–47).

Bingimlas, K. (2009). Barriers to the successful integration of ICT in teaching and learning environments: A review of the literature. *Eurasia Journal of Mathematics, Science & ...*, 5(3), 235–245. Retrieved from http://www.dr-alghimlas.com/Files/Research/EURASIA_v5n3_Bingimlas3FS6AIRZ.pdf

Farihat, R., & ‘Abusi, M. (n.d.). Al-Muawwiqat al-Lati Tuwajuhu Tatbiq Minhaj al-Taknulujiya fi Madaris al-Hukumiyyah min Wjihah Nazar al-Mu’allimin wa al-Mudara’ wa alaqatuha bi ba’dh al-Mutaghaiyyirat. In *The Second Conference on Vocational Training and Technological Education in Palestine: Development, Organization and Excellence*. (pp. 1–23).

Goktas, Y., Yildirim, S., & Yildirim, Z. (2009). Main Barriers and Possible Enablers of ICTs Integration into Pre-service Teacher Education Programs, 12, 193–204.

Harbi, H. E. Al. (2014). Towards Successful Implementation Of ICT In Education. In *The 2014 WEI International Academic Conference Proceedings* (pp. 33–45).

Luaran, J. E. (1998). *Perkembangan, Cabaran Dan Aplikasi Teknologi Maklumat Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Malaysia*.

Li, Q. (2007). Student and Teacher Views About Technology : A Tale of Two Cities ? *Journal Of Research On Technology In Education*, 39(4), 377–397. doi:10.1080/15391523.2007.10782488

Mukti, N. A. (2000). Computer Technology in Malaysia: Teachers’ Background Characteristics, Attitudes and Concerns. *The Electronic Journal of Information Systems in ...*, 3, 1–13. Retrieved from <http://www.ejisdc.org/ojs2../index.php/ejisdc/article/view/20>